

PENENTUAN TARIKH KEMATIAN IBRAHIM PUTERA RASULULLAH S.A.W. DARIPADA PERSPEKTIF FALAK

*Mohamad Zakuwa Rodzali**
*Saadan Man***

ABSTRACT

In Islamic history, there were several accounts on the date of the Prophet Muhammad's son death, Ibrahim, which referred to some different dates. However, it was recorded that the death of Ibrahim occurred at the same day of solar eclipse, i.e. the only sun eclipse occurred within the prophethood era of Muhammad. This fact has been unanimously agreed by Muslim historians and it is based on several sound hadiths. With the development of science and technology today, the actual date of the death of Ibrahim can be identified by reviewing the data of solar eclipse. This paper analyzes this issue and attempts at investigating the actual date of Ibrahim's death according to the theory of solar eclipse and its datas. The datas on Ibrahim's death were acquired by historical documentation. The datas were then analyzed by using Moon Calculator software to calculate the actual date of Ibrahim's death. The study formulates that the year of Ibrahim's death as narrated in the history is accurate, but the day and month are different from what are mentioned by the historical accounts. This

* Assistant Director, Research (Falak), Department of Islamic Development Malaysia.

** Senior Lecturer at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

difference is assumed to be influenced by the practice of al-nasi' in lunar calendar which was prevalent among Arab community at that time.

Keywords: *Ibrahim the Prophet's Son, Islamic Calendar, Eclipse, Sun Eclipse, al-Nasi'.*

PENDAHULUAN

Fenomena gerhana adalah satu kejadian alam yang unik tetapi dianggap lumrah walaupun ia agak jarang berlaku. Sesuatu peristiwa yang kebetulan berlaku pada ketika waktu gerhana terjadi akan mudah diingati dan ia biasanya direkodkan kerana dianggap mempunyai keunikan tersendiri. Hakikatnya, kedua-dua gerhana sama ada gerhana matahari atau bulan mempunyai aturannya yang tersendiri, di mana ia hanya terjadi ketika peredaran bulan dan bumi berada pada fasa-fasa tertentu. Gerhana matahari berlaku ketika fasa bulan baru iaitu ketika berlakunya ijtimak antara matahari, bulan dan bumi. Manakala gerhana bulan pula berlaku ketika fasa bulan purnama. Justeru, data-data gerhana ini boleh menjadi suatu instrumen semakan tarikh yang sangat berguna. Dalam konteks perbincangan berhubung isu tarikh kematian Ibrahim, putera Nabi S.A.W., ia boleh disemak kembali kerana peristiwa ini berlaku pada ketika gerhana matahari sebagaimana yang dicatatkan dalam rekod sejarah.

TARIKH KEMATIAN IBRĀHĪM DALAM CATATAN SIRAH

Mengikut catatan dalam sejarah Islam, tarikh yang masyhur bagi kematian Ibrāhīm adalah 10 Rabi`ulawal tahun 10H.¹ Tarikh ini adalah bersandarkan kepada riwayat hadis berikut:

¹ Abū al-Fida' Ismā'īl Ibn Kathīr (2001), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 3, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 324.

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حَسَّانَ بْنِ ثَابِتٍ عَنْ أُمِّهِ سَيْرِينَ قَالَتْ:
حَضَرْتُ مَوْتَ إِبْرَاهِيمَ ابْنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَكَسَفَتِ الشَّمْسُ يَوْمَئِذٍ فَقَالَ النَّاسُ: هَذَا مَوْتُ إِبْرَاهِيمَ
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ الشَّمْسَ لَا
تَنْكَسِفُ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ» وَمَاتَ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ لِعَشْرِ
خَلْوَنٍ مِنْ رَبِيعِ الْأَوَّلِ سَنَةِ عَشْرٍ.²

Maksudnya;

Dari 'Abd al-Rahmān bin Hassān bin Thābit dari ibunya Sīrīn katanya: "Aku telah menghadiri kematian Ibrāhīm ibn Nabi S.A.W. Pada hari tersebut berlaku gerhana matahari. Lantas orang ramai berkata, "Hal ini terjadi kerana kematian Ibrāhīm." Maka Rasulullah S.A.W. bersabda: "Sesungguhnya tidak terjadi gerhana matahari kerana kematian seseorang dan tidak juga kelahirannya." Beliau mati pada hari Selasa, 10 hari berlalunya bulan Rabī'ulawal tahun 10.

Bagaimanapun tarikh ini bukanlah satu tarikh yang disepakati dalam kalangan ulama dan sejarawan Islam. Ini kerana terdapat beberapa riwayat lain yang menyatakan tarikh-tarikh yang berbeza. Ibn Hajar al-'Asqalanī meriwayatkan beberapa tarikh yang berlainan iaitu kematian Ibrahim berlaku pada bulan Ramadan atau Zulhijjah, malah hari kematian juga berbeza di mana ada pandangan yang menyebut ia berlaku pada hari keempat atau keempat belas pada bulan-bulan berkenaan.³ Ada juga pendapat yang menyatakan secara umum kematian berlaku setahun sebelum kewafatan Rasulullah S.A.W.⁴ Pendapat yang paling ketara perbezaannya dengan pendapat sebelum ini ialah apa yang dinyatakan oleh al-Nawawi di mana beliau menyebut kematian Ibrāhīm berlaku pada

² Abū Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Alī al-Baihaqī (1994), *al-Sunan al-Kubrā*, j.3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 468.

³ Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalanī (2000), *Fath al-Bārī*, j. 2, Riyadh: Dār al-Salām, h. 682.

⁴ Al-Baihaqī (1994), *al-Sunan al-Kubrā*, j.3, h. 468.

tahun berlakunya perjanjian Hudaibiyyah,⁵ sedangkan sejarah jelas menunjukkan bahawa perjanjian Hudaibiyyah berlaku pada tahun 6H.⁶

Terdapat petunjuk bahawa ahli-ahli falak silam telah menyuarakan kesangsian terhadap catatan tarikh-tarikh kematian Ibrahim sebagaimana yang terdapat dalam sejarah. Ini kerana aturan gerhana tidak memungkinkannya berlaku pada tarikh berkenaan, iaitu pada 4, 10 atau 14 haribulan. Gerhana matahari sebagaimana yang sedia maklum tidak berlaku melainkan pada 28 atau 29 haribulan. Bagaimanapun kesangsian ini dijawab sebagaimana berikut:

- i. Riwayat kematian Ibrahim yang berlaku pada hari gerhana matahari telah sabit dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* manakala tarikhnya 10 Rabiulawal tahun 10H disebut menerusi riwayat-riwayat dalam *Sunan al-Bayhaqi* dan *kitab al-Zubair ibn Bakkār* meskipun *isnadnya* daif.
- ii. Hari kematian al-Husayn bin ‘Ali pula berlaku pada hari ‘Asyura sedangkan al-Baihaqi menjelaskan terjadinya gerhana matahari pada hari tersebut.⁷

Berdasarkan riwayat-riwayat di atas, golongan ini mempertahankan pandangan bahawa gerhana matahari boleh terjadi pada sebarang tarikh atas hujah bahawa Allah S.W.T. berkuasa untuk melakukan segalanya pada bila-bila masa.

RIWAYAT BERHUBUNG DETIK KEMATIAN IBRAHIM

Berdasarkan kepada kenyataan hadis dari pelbagai riwayat, jelas bahawa peristiwa kematian Ibrāhīm berlaku pada hari berlakunya gerhana matahari. Sebagai contohnya ialah hadis berikut:

⁵ Sebagaimana yang dipetik dalam al-‘Asqalānī (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 682.

⁶ Abū al-Ḥasan ‘Ali bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Abd al-Wāhid al-Syaibānī Ibn al-Athīr (1998), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 86.

⁷ Abū Zakariyya Muḥyī al-Dīn bin Syaraf al-Nawawi (1995), *al-Majmū‘*, j. 5, Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 63.

عَنْ الْمُغِيرَةَ بْنِ شُعْبَةَ قَالَ كَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ مَاتَ إِبْرَاهِيمُ، فَقَالَ النَّاسُ كَسَفَتِ الشَّمْسُ لِمُوتِ إِبْرَاهِيمَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمُوتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ فَصَلُّوا وَادْعُوا اللَّهَ».⁸

Maksudnya:

Dari al-Mughīrah bin Syu'bah katanya telah terjadi gerhana matahari pada zaman Rasulullah S.A.W. pada hari kematian Ibrāhīm. Lantas orang ramai berkata terjadinya gerhana matahari tersebut kerana kematian Ibrāhīm. Maka Rasulullah S.A.W. pun bersabda, “Sesungguhnya tidak terjadi gerhana matahari dan bulan kerana kematian seseorang dan tidak juga kelahirannya. Apabila kamu melihatnya, hendaklah kamu bersolat dan berdoa kepada Allah S.W.T.”

Menurut riwayat yang lain, kejadian gerhana matahari ini terjadi sebelah pagi sebagaimana dalam hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ يَهُودِيَّةً جَاءَتْ تَسْأَلُهَا فَقَالَتْ لَهَا أَعَادَكَ اللَّهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ. فَسَأَلَتْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيْعَذَّبُ النَّاسُ فِي قُبُورِهِمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَائِدًا بِاللَّهِ مِنْ ذَلِكَ. ثُمَّ رَكِبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ عِدَاةً مَرَكَبًا، فَكَسَفَتِ الشَّمْسُ فَرَجَعَ ضَحَى، فَمَرَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ ظَهْرَانِي الْحُجْرِ، ثُمَّ قَامَ فَصَلَّى، وَقَامَ النَّاسُ وَرَاءَهُ، فَقَامَ قِيَامًا طَوِيلًا... ثُمَّ أَمَرَهُمْ أَنْ يَتَعَوَّدُوا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ.⁹

⁸ Al-‘Asqalānī (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 679.

⁹ *Ibid*, h. 702.

Maksudnya:

Dari 'Aishah r.a. isteri Nabi S.A.W. bahawa seorang perempuan Yahudi datang kepadanya bertanyakan sesuatu. Kemudian perempuan Yahudi itu berkata: "Semoga Allah S.W.T. melindungimu dari siksa kubur." Maka 'Aishah r.a. bertanyakan Rasulullah S.A.W.: "Apakah manusia akan disiksa dalam kubur mereka?" Maka Rasulullah S.A.W. pun bersabda: "Berlindunglah dengan Allah S.W.T. dari perkara tersebut." Kemudian Rasulullah S.A.W. menaiki tunggangan pada suatu pagi lantas terjadilah gerhana matahari. Maka baginda kembali pada waktu Duhā. Baginda melewati kamar-kamar isterinya kemudian berdiri lantas bersolat. Dan orang ramai juga berdiri di belakangnya. Rasulullah S.A.W. berdiri lama.. Sesudahnya Baginda memerintahkan orang ramai berlindung dari azab kubur.

Kisah di sebalik perbuatan Rasulullah S.A.W. menaiki tunggangan tersebut ialah berlakunya kematian Ibrāhīm.¹⁰

Fakta kejadian gerhana matahari yang berlaku pada sebelah pagi turut diperkuatkan dengan riwayat berikut:

لَمَّا كَسَفَتِ الشَّمْسُ خَرَجَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَسْجِدِ
مُسْرَعًا فَزَعًا يَجْرُ رِدَاءَهُ وَكَانَ كُسُوفُهَا فِي أَوَّلِ النَّهَارِ عَلَى
...مَقْدَارِ رُحَيْنٍ أَوْ ثَلَاثَةِ مَنْ طُلُوعِهَا¹¹

Maksudnya;

Ketika terjadinya gerhana matahari, Rasulullah S.A.W. keluar dengan segera berlindung ke masjid menghela rida'nya. Gerhana tersebut terjadi awal siang setelah terbitnya kadar dua atau tiga batang tombak...

Menurut al-Bayhaqi, kepelbagaian riwayat mengenai solat sunat gerhana matahari yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2002), *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-'Ibād*, j. 1, Beirut: Muassasah al-Rayyāt, h. 322.

pada sebelah pagi sebenarnya merujuk kepada solat gerhana matahari yang terjadi pada hari yang sama dengan hari kematian Ibrāhīm.¹²

USIA IBRAHIM

Tidak ada perbezaan ketara mengenai catatan usia Ibrāhīm pada saat kematian beliau. Pendapat yang masyhur dari al-Waqidi menyatakan bahawa usia beliau ketika itu ialah 18 bulan.¹³ Setengah pendapat yang lain menyatakan usia beliau ialah 16 bulan.¹⁴ Manakala riwayat yang lain menyebut usianya 20 bulan.¹⁵

Ibu Ibrāhīm adalah Māriyah al-Qibtiyah. Māriyah merupakan anugerah dari al-Muqawqis, iaitu pemerintah Iskandariah kepada Rasulullah S.A.W. sebagai membalas utusan dakwah baginda S.A.W. seperti dijelaskan dalam *Sirah Ibn Hishām*¹⁶ dan *Tārīkh al-Ṭabarī*¹⁷. Peristiwa tersebut berlangsung tidak lama selepas peristiwa Khaybar.¹⁸ Walaubagaimanapun, ketibaan Māriyah di Madinah adalah pada tahun 8 H.¹⁹ Menurut catatan dalam *al-Kāmil fī al-Tārīkh*²⁰ dan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*²¹, Ibrāhīm lahir pada bulan Zulhijjah tahun 8 H.

Dengan usia Ibrāhīm saat kematian diperselisihkan antara 16, 18 dengan 20 bulan, maka tahun kematiannya dianggarkan pada sekitar tahun 10H. Tahun inilah tahun yang hampir disepakati oleh jumhur *ahl al-siyar*.²² Begitu juga masa kematiannya pada sebelah pagi turut disepakati oleh mereka. Manakala bulan dan

¹² *Ibid*, h. 323.

¹³ Ibn Kathīr (2001), *op. cit.*, j. 3, h. 324.

¹⁴ *Ibid*, j. 3, h. 323.

¹⁵ *Ibid*, j. 4, h. 80.

¹⁶ Ibn Hisyām (1997), *al-Sīrah al-Nabawīyah*, j. 1, Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-‘Arabiyy, h. 39.

¹⁷ Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Tārīkh al-Ṭabarī*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 214.

¹⁸ Ibn al-Athīr (1998), *op. cit.* j. 2, h. 105.

¹⁹ Ibn Kathīr (2001), *op. cit.*, j. 4, h. 80.

²⁰ Ibn al-Athīr (1998), *op. cit.*, h. 145.

²¹ Ibn Kathīr (2001), *op. cit.*, j. 3, h. 319.


²² Al-‘Asqalāni (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 682.

hari kematian berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan sejarawan.²³

Bagi mengenalpasti bulan dan hari kematian Ibrāhīm, salah satu kaedah yang boleh digunapakai ialah dengan menyemak data gerhana yang kebetulan berlaku pada peristiwa kematian putera Rasulullah S.A.W. ini. Untuk tujuan tersebut konsep gerhana matahari ini perlu dihuraikan terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

TEORI GERHANA MATAHARI

Secara teorinya, gerhana matahari hanya berlaku ketika fasa bulan baru.²⁴ Pada ketika ini, bulan bergerak antara bumi dengan matahari dalam keadaan bumi, bulan dan matahari berada segaris dan sesatah atau dengan kata lain berada pada penjajaran yang sempurna.²⁵ Dari itu, cahaya matahari tidak mengenai permukaan bumi kerana terhalang oleh bulan.²⁶ Walau bagaimanapun ada ketikanya bumi, bulan dan matahari berada segaris tetapi tidak sesatah. Kerana itulah gerhana matahari tidak berlaku setiap fasa bulan baru. Rajah 1 di bawah mengilustrasikan bagaimana gerhana matahari berlaku.



²³ *Ibid.*

²⁴ Mohd Zambri Zainuddin *et. al.* (1999), “Kejadian Gerhana” (Kertas kerja Muzakarah Falak Syarie Pegawai-Pegawai Agama Seluruh Malaysia, 8-12 September 1999), h. 155.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

Rajah 1: Kedudukan Matahari, Bulan Dan Bumi Ketika Gerhana Matahari

Terdapat beberapa jenis gerhana matahari yang dapat dirumuskan seperti berikut:

i. Gerhana matahari penuh (*total eclipse*)²⁷

Gerhana matahari penuh terjadi apabila bumi, bulan dan matahari berada pada penjajaran yang tepat. Cakera matahari tertutup sepenuhnya oleh cakera bulan. Laluannya menentukan lokasi gerhana matahari penuh dapat disaksikan. Pemerhati di laluan bayangan pusat bulan (*umbra*) akan menyaksikan gerhana matahari penuh manakala pemerhati di laluan bayangan luar bulan (*penumbra*) akan menyaksikan gerhana matahari separa.

ii. Gerhana matahari cincin (*annular eclipse*)²⁸

Gerhana matahari cincin terjadi apabila bumi, bulan dan matahari juga berada pada penjajaran yang tepat tetapi cakera matahari tidak tertutup sepenuhnya oleh cakera bulan. Cakera matahari kelihatan lebih besar berbanding cakera bulan oleh kerana kedudukan bulan dalam orbitnya ketika itu paling jauh dari bumi (*apogee*). Justeru, cakera matahari membentuk cincin yang terang (*annulus*) melingkungi cakera bulan.

iii. Gerhana matahari hibrid (*hybrid or annular/total eclipse*)²⁹

Gerhana matahari hibrid terjadi apabila gerhana matahari cincin bertukar menjadi gerhana matahari penuh semasa laluan. Sebahagian tempat akan menyaksikan gerhana matahari cincin manakala sebahagian tempat lagi menyaksikan gerhana matahari penuh.

iv. Gerhana matahari separa (*partial eclipse*)³⁰

²⁷ Ian Bruce (1999), *Eclipse*, Harrogate: Take That Ltd., h. 11.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

Gerhana matahari separa terjadi apabila bumi, bulan dan matahari berada pada penjajaran yang tidak tepat. Hanya sebahagian cakera matahari tertutup oleh cakera bulan. Fenomena ini kebiasaannya boleh disaksikan oleh pemerhati di laluan bayangan penumbra bulan yang berada pada luar laluan bayangan umbra bulan ketika gerhana matahari penuh atau cincin. Sesetengah gerhana matahari hanya boleh disaksikan sebagai gerhana matahari separa kerana laluan bayangan umbra bulan tidak menyentuh permukaan bumi.

Dengan perkembangan dan kemajuan ilmu astronomi sebagaimana yang wujud pada hari ini, tarikh berlakunya setiap gerhana samada gerhana matahari atau bulan dapat disemak kembali dan dapat dijangka bila ia akan berlaku pada masa-masa akan datang. Dalam konteks penyemakan tarikh peristiwa kematian Ibrahim ini, pengkaji menggunakan perisian Moon Calculator versi 5.2 (MoonC). Dengan menggunakan perisian ini, data-data peristiwa gerhana matahari ini dapat dirumuskan sebagaimana di bawah.

PERISTIWA GERHANA MATAHARI TAHUN 10H (APRIL 631 M – MAC 632 M)

Di dalam tahun 10H, gerhana matahari terjadi dua kali iaitu pada 3 Ogos 631 M dan 27 Januari 632 M.³¹ Fakta gerhana kali pertama dan kedua adalah seperti berikut:³²

Gerhana Pertama:

- a. Jenis : Gerhana matahari penuh
- b. Kemuncak: 14:10:02 *Universal Time*, UT
- c. Laluan gerhana matahari ini boleh dirujuk dalam gambarajah di bawah.

³¹ Tarikh kejadian gerhana matahari berpandukan perisian Moon Calculator 5.2 oleh Dr. Monzur Ahmed.

³² <http://eclipse.gsfc.nasa.gov/eclipse.html/> pada 11 Jun 2010.



Rajah 2: Laluan Gerhana Matahari Penuh 3 Ogos 631 M

Berdasarkan Rajah 2 di atas, laluan gerhana matahari merentasi lautan Afrika Selatan dan hanya boleh dilihat di sebahagian kecil kawasan selatan benua Afrika. Justeru, dapat disimpulkan bahawa gerhana matahari yang berlaku ketika ini tidak dapat disaksikan oleh penduduk kota Madinah kerana kedudukannya amat jauh dari laluan gerhana matahari penuh.

Gerhana Kedua:

- a. Jenis : Gerhana matahari cincin
- b. Kemuncak: 6:31:27 *Universal Time*, UT
- c. Laluan gerhana adalah seperti dalam gambarajah di bawah:



Rajah 3: Laluan Gerhana Matahari Cincin 27 Januari 632 M

Berdasarkan Rajah 3 ini, kelihatan bahawa laluan gerhana cincin melalui kawasan berhampiran kota Madinah. Justeru, penduduk kota Madinah dapat menyaksikan gerhana ini sebagai gerhana matahari separa pada sebelah pagi kerana kedudukannya hampir dengan laluan gerhana matahari cincin. Kegelapan gerhana matahari di kota Madinah dianggarkan sekitar 85%.

PENENTUAN TARIKH HIJRI GERHANA SEMASA KEMATIAN IBRAHIM

Dengan berpandukan tarikh berlakunya gerhana matahari berkenaan iaitu 27 Januari tahun 632 Masihi, tarikh Hijri dapat dikenalpasti. Berdasarkan Takwim Istimilah, tarikh Hijri yang sepadan dengan tarikh Miladi 27 Januari 632 M (Isnin) adalah 28 Syawal 10 H. Kalkulator tarikh yang digunakan adalah Transformasi Tarikh Miladi Ke Tarikh Hijri yang dibangunkan oleh Bahagian Penyelidikan JAKIM dan juga Kalkulator Tarikh Hijri – Miladi (v. 2001) yang disediakan oleh Unit Falak UniSA.³³

³³ Unit Falak, Universiti Sultan Zainal Abidin, <http://www.falak.udm.edu.my/calc/>, 25 Jun 2010.

Setengah ahli falak menyatakan tarikh Hijri ini sebagai adalah menjelang awal Zulkaedah 10 H.³⁴

Sebagai perbandingan dalam konteks semasa, tarikh Hijri yang sepadan dengan tarikh Miladi 15 Januari 2010 (Jumaat) ketika berlakunya gerhana matahari separa di Malaysia adalah 29 Muharram 1431 H (Takwim Istimlahi dan Takwim Imkan al-Ru'yah).

Padanan Tarikh

Berpandukan data-data gerhana yang ada, dapat dirumuskan bahawa satu-satunya kejadian gerhana matahari yang dapat disaksikan sekitar kota Madinah dalam tahun 10 H adalah pada 28 Syawal (berdasarkan kepada Takwim Istimlahi) ketika fasa bulan baru Zulkaedah. Berasaskan kepada data gerhana ini juga, kejadian gerhana matahari pada sebelah pagi adalah sepadan dengan riwayat hadis bahawa Rasulullah S.A.W. dan para sahabat baginda melaksanakan solat sunat gerhana matahari (*kusuf*) pada waktu duha tahun tersebut. Meskipun demikian, tarikh Hijri 28 Syawal ini tidak termasuk dalam lingkungan tarikh-tarikh yang diperselisihkan oleh sejarawan Islam mengenai kematian Ibrāhīm.

Sekiranya kejadian gerhana matahari pada tarikh ini (28 Syawal) dan tarikh-tarikh yang diperselisihkan merujuk kepada dua kejadian gerhana matahari yang berasingan pada tahun 10 H kerana mungkin berlakunya sesuatu di luar hukum alam pada hari kematian Ibrāhīm, persoalan lain akan berbangkit, khususnya disebabkan tiadanya riwayat mengenai pelaksanaan solat sunat gerhana matahari selain pada hari kematian Ibrāhīm pada tahun tersebut. Justeru, tentulah kejadian gerhana matahari yang berlaku pada 28 Syawal dan kejadian gerhana matahari pada tarikh-tarikh yang diperselisihkan itu merujuk kepada satu kejadian yang sama.

Walau bagaimanapun, ada kemungkinan tarikh-tarikh diperselisihkan terutama 10 Rabiulawal tahun 10 H adalah benar

³⁴ T. Djamaluddin, *Gerhana Matahari Cincin: Rasulullah Hanya Sekali Salat Gerhana Matahari* <http://tdjamaluddin.wordpress.com/> 11 Jun 2010.

jika dilihat dari dari aspek bahawa tarikh tersebut masih dipengaruhi dengan amalan *al-nasi'* yang menjadikan satu tahun adakalanya 12 bulan 25 hari dan adakalanya 13 bulan.³⁵ Hal ini kerana amalan *al-nasi'* hanya terhapus sepenuhnya setelah berlangsungnya Hajj al-Wada' sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut:

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
الزَّمَانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ
السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ ذُو
الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمَحْرَمِ وَرَجَبٌ مُضَرَ الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى
وَشَعْبَانَ.³⁶

Maksudnya;

*Dari Abū Bakrah r.a. dari Nabi S.A.W. bersabda:
"Telah kembali zaman sepertimana keadaannya hari
Allah S.W.T. menjadikan langit dan bumi. Setahun
mengandungi 12 bulan dengan empat daripadanya
adalah bulan haram. Tiga bulan berturutan
Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram serta Rejab
muḍar antara dua Jumada dan Sya'ban."*

KESIMPULAN

Kepelbagaian riwayat yang menyebut tarikh yang berbeza berhubung peristiwa kematian Ibrahim putera Rasulullah S.A.W. dapat diselaraskan dengan semakan data gerhana matahari yang berlaku serentak pada hari berkenaan. Dengan kemajuan sains dan teknologi hari ini, persoalan perbezaan tarikh yang menjadi perselisihan dalam kalangan para sejarawan Islam dan seterusnya menjadi teka teki bagi umat Islam kini dapat dirungkai dengan kaedah yang agak mudah. Bagaimanapun, penentuan tarikh ini perlu mengambilkira amalan *al-nasi'* yang berleluasa sejak

³⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1993), *Tafsīr al-Manār*, j. 10, Beirut: Dār al-Makrifah, h. 419.

³⁶ Al-'Asqalāni (2000), *op. cit.*, j. 8, h. 135.

zaman Jahiliyyah dan berterusan sehingga ia dihapuskan pada haji terakhir Nabi S.A.W. Mungkin, barangkali juga, kepelbagaian tarikh yang diriwayatkan dalam pelbagai hadis berkenaan berpunca dari amalan *al-nasi'* yang bertujuan untuk dimanipulasi oleh kabilah-kabilah Arab bagi kepentingan masing-masing. Sistem pentarikhkan menjadi celaru akibat manipulasi kalendar secara sesuka hati oleh mereka dan ini sekaligus menyebabkan berlakunya perbezaan ketara dalam riwayat berhubung tarikh-tarikh penting dalam sejarah Islam.

